

UMP sedia terima kemasukan pelajar OKU

Oleh SHAMSIAH ZULKAFLI

KUANTAN 12 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersedia menerima kemasukan pelajar orang kurang upaya (OKU) pada semester akan datang, kata Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat kerana UMP kini dilengkapi kemudahan untuk golongan tersebut berikutan kemasukan pelajar OKU pertamanya, Siti Hawa Apandi ke kampus itu pada 29 Jun lalu.

Beliau berkata, Siti Hawa merupakan pelajar perintis kepada kemasukan pelajar OKU lain sekali gus membuka ruang kepada pelajar-pelajar istimewa seperti ini untuk melanjutkan pelajaran ke IPT.

"Kemudahan ini disediakan bagi memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua pelajar termasuk OKU," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Sumbangan Komputer Riba kepada Siti Hawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman, di Dewan Banquet UMP, di sini hari ini.

Hadir sama ibu dan bapa Siti Hawa, Zaidah Tamjis dan Apandi Abdul Hadi.

Siti Hawa pelajar tahun pertama Diploma Sains Komputer diterima masuk ke UMP berdasarkan keputusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh 5A, 4B dan 1C.

Pelajar yang berasal dari Batu Pahat, Johor itu mengalami penyakit saraf, *Spinal Muscular Atrophy Type 2* sejak kecil menyebabkan beliau terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak.

Mohamed Said berkata, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pelajar OKU dapat menikmati kemudahan yang sama seperti pelajar-pelajar lain seperti penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur.

"Boleh dikatakan setiap bangunan di UMP boleh diakses oleh pelajar atau staf yang menggunakan kerusi roda," ujarnya.

Tambah beliau, selain sumbangan komputer riba itu, Siti Hawa juga bakal mendapat sebuah kerusi roda khas yang dicipta sekumpulan pensyarah dari Fakulti Mekanikal bagi memudahkan pergerakannya.

"Buat masa ini, reka bentuk kerusi itu telah ditunjukkan kepada saya, saya juga dimaklumkan proses membuatnya siap 40 peratus," katanya.

Sementara itu, Zaidah ketika ditemui melahirkan kesyukurannya terhadap UMP yang sudi menerima kemasukan anaknya selain sumbangan yang diterima Siti Hawa.

Beliau yang menetap di Taman Sri Mahkota, Batu 11, Jalan Gambang, kini terpaksa tinggal bersama anaknya itu kerana Siti Hawa tidak mampu menguruskan dirinya sendiri.

"Pihak UMP banyak memberi sokongan kepada saya, di sini saya tinggal berdua dalam sebuah bilik bersama anak saya," katanya.

Bagi Siti Hawa, kemudahan yang diperolehi akan digunakan sebaiknya bagi mencapai hasratnya yang ingin menjadi seorang pengaturcaraan komputer.

"Dengan adanya kemudahan komputer riba ini, saya akan lebih mudah membuat tugasan yang diberikan pensyarah," kata Siti Hawa.

Boleh dikatakan setiap bangunan di UMP boleh diakses oleh pelajar atau staf yang menggunakan kerusi roda

MOHAMED SAID MAT LELEA
Naib Canselor Universiti
Malaysia Pahang



AHMAD Tajuddin Sulaiman (kanan) diiringi Dr. Mohamad Said Mat Lela menyerahkan komputer riba kepada Siti Hawa Apandi pada majlis sumbangan komputer itu di Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, semalam.